



PANDUAN DAN KAEDAH PEPERIKSAAN AKHIR PROGRAM SARJANA MUDA PENGAJIAN SEPARUH MASA UTM SEMESTER II SESI 2025 / 2026

(PANDUAN PELAJAR)

- Pelajar dinasihatkan supaya berada di luar Dewan Peperiksaan yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat dalam Jadual Peperiksaan tidak lewat daripada **LIMA BELAS (15) minit** sebelum peperiksaan bermula.
- Pelajar boleh dibenarkan masuk oleh Ketua Pengawas ke Dewan Peperiksaan **LIMA BELAS (15) minit** sebelum waktu peperiksaan bermula. Pelajar hendaklah masuk dengan tertib.
- Pelajar yang lewat hadir tetapi tidak melebihi **TIGA PULUH (30) minit** daripada waktu peperiksaan dimulakan dibenarkan mengambil peperiksaan, TETAPI waktu tamat peperiksaannya bagi kursus tersebut adalah sama dengan pelajar lain.
- Pelajar yang datang selepas **TIGA PULUH (30) minit** daripada waktu sesuatu peperiksaan dimulakan tidak dibenarkan masuk ke Dewan Peperiksaan dan tidak boleh menduduki peperiksaan tersebut.
- Pelajar tidak boleh meninggalkan **Dewan Peperiksaan dalam masa TIGA PULUH (30) minit** selepas peperiksaan bermula dan juga dalam masa **LIMA BELAS (15) minit** sebelum peperiksaan berakhir. Pelajar yang ingin keluar sebentar daripada Dewan Peperiksaan hendaklah meminta kebenaran daripada Pengawas. Namapelajar dan masa keluar dan masuk akan direkodkan oleh Pengawas.
- Pelajar dikehendaki membawa:
 - **Slip Menduduki Peperiksaan; dan**
 - **kad matrik atau MyKad/ passport;**ke Dewan Peperiksaan dan hendaklah diletakkan di sudut kanan meja peperiksaan untuk diperiksa oleh Pengawas.
- Pelajar yang tidak membawa Slip Menduduki Peperiksaan dan kad matrik atau MyKad/ passport tidak dibenarkan mengambil peperiksaan melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Penyelia Peperiksaan.
- Pelajar dilarang :-
 - membawa apa-apa buku, kamus, kertas, gambar, nota, alat yang terdapat catatan bertulis, kalkulator berprogram, alat komunikasi (telefon bimbit/telefon pintar, tablet, jam pintar dan lain-lain alat komunikasi elektronik) atau sebarang alat kecuali yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas ke dalam Dewan Peperiksaan,
 - menerima barang-barang seperti di 5.8.1 daripada mana-mana orang semasa berada di Dewan Peperiksaan.
- Pelajar hendaklah mematuhi segala arahan Ketua Pengawas ketika berada di Dewan Peperiksaan.
- **LIMA BELAS (15) minit** sebelum bermulanya peperiksaan, pelajar dibenarkan:
 - mengisi Borang Kehadiran dan maklumat yang dikehendaki di muka hadapan buku dan/atau kertas jawapan peperiksaan; dan
 - membaca kertas soalan tanpa membuat sebarang catatan.

- Pelajar hendaklah menulis nama, nombor matrik/ MyKad/ kod kursus, seksyen dan program serta maklumat lain yang diperlukan pada setiap buku/ kertas jawapan serta sebarang lampiran yang digunakan.
- Pelajar hendaklah membaca secara teliti dan mematuhi arahan yang tercetak pada kertas soalan peperiksaan dan kulit buku jawapan.
- Pelajar hendaklah memastikan mereka telah diberikan kertas soalan yang betul serta muka surat yang cukup sebelum mula menjawab.
- Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, pelajar hendaklah dengan serta merta memberitahu Pengawas yang bertugas.
- Semua kerja peperiksaan termasuk kerja percubaan (**rough work**) hendaklah dibuat dalam buku dan/atau kertas jawapan. Helaian buku jawapan tidak boleh dikoyakkan.
- Buku/ kertas jawapan yang telah digunakan, rosak atau kosong tidak boleh dibawa keluar dari Dewan Peperiksaan.
- Pelajar tidak dibenarkan berhubung dengan pelajar lain ketika peperiksaan.
- Pelajar tidak dibenarkan sama sekali makan semasa berada di Dewan Peperiksaan.
- Pada akhir peperiksaan, pelajar hendaklah memastikan buku dan/atau kertas jawapan peperiksaan (kecuali buku dan/atau kertas jawapan kosong dan/atau kerja percubaan) disusun dan diikat dengan sempurna mengikut arahan yang diberikan sebelum menyerahkannya kepada Pengawas.
- Pelajar hendaklah berada di tempat duduk masing-masing selepas tamat peperiksaan dan hanya dibenarkan keluar dari Dewan Peperiksaan setelah mendapat arahan daripada Ketua Pengawas.
- Pelajar tidak boleh mula menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu yang ditetapkan atau meneruskan kerja selepas waktu peperiksaan tamat.
- Pelajar hendaklah masuk dan keluar dari Dewan Peperiksaan dalam keadaan tertib dan teratur.
- Pelajar dilarang merujuk dan/atau menggunakan sebarang bahan rujukan di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan semasa berlangsungnya peperiksaan kecuali bahan yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.
- Pelajar tidak boleh memberi atau menerima sebarang bantuan daripada pelajar atau pihak lain yang berkaitan dengan peperiksaan semasa berlangsungnya peperiksaan kecuali bantuan yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.
- Pelajar hendaklah mengembalikan sebarang alat atau dokumen yang dibekalkan untuk tujuan peperiksaan (jika ada) kepada Pengawas pada akhir peperiksaan.
- Pelajar yang melanggar mana-mana peraturan menduduki peperiksaan akhir akan diberi peringatan bertulis oleh Jawatankuasa Akademik Fakulti dan direkodkan dalam fail peribadi pelajar jika sabit kesalahan.